

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997-98

September 1997

**HHA 101 / NSK 002 - Pengantar Seni Halus**

**Masa: TIGA (3) Jam**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI DALAM TIGA (3) HALAMAN.**

## **ARAHAN**

Jawab **SEMUA** soalan dengan jelas, tepat dan ringkas.

Perhatikan dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berkenaan dengan karya itu. Sila ambil perhatian bahawa maklumat tidak semestinya diberi bagi semua karya.

Setiap slaid akan ditayang selama 7 minit dan diulangtayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid ditayangkan sekali.

**JAWAPAN BAGI TIAP-TIAP KARYA TIDAK BOLEH MELEBIHI DUA (2) HALAMAN.**

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

---

Berikut ialah soalan-soalan dan maklumat mengikut susunan tayangan slaid.

1. Pelukis: **Wong Hoy Cheong**  
Tajuk: **Orang Kaya Baru, Gajah, Orang Gaji Rakyat Asing, atau Gaya Menawan Yang Tidak Menonjol Golongan Borjuis (kelas pertengahan masyarakat). (*The Nouveau Riche, The Elephant, The Foreign Maid, or The Discreet Charm of the Bourgeoisie*)**  
Tahun: **1991**  
Bahantara: **Cat Minyak Atas Kain Guni**

Dalam lukisan ini pelukis menyindir cara dan gaya hidup golongan pertengahan rakyat Malaysia, yakni mereka yang dianggap sebagai 'orang kaya baru'. Dengan meneliti lukisan, terangkan bagaimana pelukis melakukan ini. Apakah yang diperhatikan oleh pelukis tentang cara dan gaya hidup golongan ini? Adakah anda bersetuju dengan rumusan pelukis tentang mereka? Kenapa?

2. Pelukis: **Sharifah Fatimah Zubir**  
Bahantara: **Cat Akrilik Atas Kanvas**

Jelaskan apa yang telah dilakukan oleh pelukis dalam lukisan abstrak ini. Pada pendapat anda, apakah 'tujuan' lukisan abstrak begini?

3. Pelukis: **Mohd. Nor Khalid (LAT)**  
Sumber: **Dipetik daripada *The Kampung Boy*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Penerbitan Pertama 1977.**

Jelaskan bagaimana pelukis LAT cuba menggambarkan suasana kehidupan di kampungnya dalam lukisan ini. Apakah perkara-perkara serta cara melukis yang menarik perhatian anda? Kenapa?

4. Pelukis: **Abdul Latiff Mohidin**  
Tajuk: **Lanskap Pago-Pago**  
Bahantara: **Cat Minyak Atas Kanvas**  
Tahun: **1968**

Lukisan ini jelas bukan sebuah lukisan lanskap yang ingin menggambarkan alam secara 'realistik' atau 'naturalistik'. Namun begitu ianya 'merujuk' kepada alam. Terangkan bagaimana pelukis melakukannya. Cuba buat kaitan di antara perkara-perkara yang terkandung dalam lukisan ini dengan alam dan kehidupan di rantau Asia Tenggara. Pada pendapat anda, kenapakah pelukis menggambarkan alam begitu rupa?

5. Apa yang anda lihat di sini ialah satu contoh hasil rekabentuk grafik, yakni muka depan majalah *Newsweek*. Sebagai salah satu majalah mingguan berita dunia dalam pasaran penerbitan yang bersaing, majalah ini bukan saja perlu mempunyai kandungan informasi yang akan menarik perhatian pembaca, tetapi juga perlu memaparkan informasi itu dengan menarik. Jelaskan bagaimana muka depan ini di rekabentuk untuk tujuan ini. Bagaimanakah maklumat disampaikan menerusi rekabentuknya?

6. Gambar foto ini telah diambil oleh **Hans Hofer**, seorang jurufoto berketurunan Jerman, dan dimasukkan kedalam sebuah 'Buku Kembara' (*Travel Book*) mengenai Malaysia yang diusahakan oleh beliau dan diedarkan ke seluruh dunia. Apakah yang anda boleh fahami daripada gambar foto ini? Apakah juga yang anda boleh tafsirkan tentang tujuan penulis buku dengan memasukkan gambar ini dalam bukunya? Untuk makluman anda, gambar ini diambil di kawasan Masjid Negara di Kuala Lumpur.

Faint, illegible text, possibly bleed-through from the reverse side of the page. The text is too light to transcribe accurately.